

SULIT

SULIT



**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN PULAU PINANG**

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010

1249/1

SEJARAH

Kertas 1

Sept 2010

1 jam

Satu Jam


JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan*
2. *Jawab semua soalan*
3. *Jawab dengan menghitamkan ruangan yang betul pada kertas jawapan*
4. *Hitamkan satu ruangan sahaja bagi setiap soalan*
5. *Seciranya anda hendak menukarkan jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru*

Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak

**[Lihat halaman sebelah
SULIT**

- 1 Tokoh-tokoh berikut memainkan peranan penting dalam tamadun mereka.



Apakah persamaan mengenai tokoh-tokoh tersebut semasa pemerintahan mereka ?

- I pembinaan empayar
 - II penyatuan wilayah
 - III perintis tentera laut
 - IV penciptaan batu-bata
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 2 Mengapakah ilmu perubatan mendapat perhatian khusus semasa pemerintahan Kerajaan Assyria ?
- A mengubati penyakit
 - B memumiakan mayat
 - C mementingkan kesihatan anggota tenteranya
 - D menjadi panduan kepada pengamal perubatan
- 3 Persatuan perdagangan dan perusahaan yang dikenal sebagai *sresthin* diwujudkan dalam tamadun India.
- Apakah matlamat penubuhannya?
- A Mengawal kualiti barangan
 - B Memastikan had pengeluaran barangan
 - C Melindungi kepentingan pedagang
 - D Mempertahankan hak pekerja

4. Pernyataan berikut merujuk kepada aspek peningkatan sosial tamadun China dan tamadun India.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Konsep keseimbangan iaitu Yang dan Yin• Yoga |
|---|

Maklumat di atas merujuk kepada

- A falsafah
 - B perubatan
 - C pendidikan
 - D keagamaan
5. Apakah faktor yang menyebabkan kerajaan Angkor maju dalam bidang pertanian?
- A Tentera yang kuat
 - B Pelabuhan entreport
 - C Kedudukan yang strategik
 - D Sistem pengairan yang baik
6. Bagaimanakah raja-raja dalam kerajaan awal di Asia Tenggara mengukuhkan kuasa?
- I. Memajukan sistem perhubungan
 - II. Mengamalkan adat pertabalan
 - III. Mendirikan kompleks kota
 - IV. Memantapkan sistem ekonomi
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

7. Antara berikut yang manakah merupakan ciri-ciri masyarakat Arab Jahilliah
- I Membenarkan rompakan
 - II Menghalang amalan poligami
 - III Mewariskan harta pada wanita
 - IV Mengamalkan semangat assabiyah
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

Pada 6 Ogos tahun 610M., bersamaan 17 Ramadhan, wahyu yang pertama telah diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. menerusi Jibril.

8. Apakah implikasi turunnya wahyu tersebut?
- A Penyebaran dakwah Islamiah secara terbuka
 - B Berlaku penghijrahan Nabi Muhammad s.a.w ke Madinah
 - C Pengisytiharan Nabi Muhammad s.a.w sebagai pesuruh Allah
 - D Bermula era baru dalam sejarah tamadun masyarakat Arab Jahilliah
9. Bagaimanakah kedudukan orang Yahudi di Negara Islam Madinah?
- A Dibenarkan tinggal di Madinah
 - B Dihalau keluar daripada Madinah
 - C Dibenarkan tinggal untuk tempoh tertentu sahaja
 - D Dibenarkan tinggal dalam kawasan tertentu sahaja
10. Antara yang berikut , manakah golongan yang menyumbang kepada kejatuhan kerajaan Bani Umaiyah ?
- I Syiah
 - II Quraisy
 - III Kurdish
 - IV Khawarij
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

11.

Baitulhikmah

Apakah peranan institusi di atas sehingga mencapai kegemilangannya di zaman pemerintahan Khalifah al-Makmun?

- A Pusat perkembangan budaya
- B Pusat perdagangan antarabangsa
- C Pusat pentadbiran kerajaan khalifah
- D Pusat penterjemahan dan penulisan

12 Senarai berikut merupakan proses perantikan khalifah pada zaman Khulafa al-Rasyidin.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Syura• Baiah |
|---|

Mengapakah proses tersebut wajar diteruskan?

- A Menghindari kuasa luar
- B Mengekalkan pewarisan jawatan
- C Memenuhi wasiat Nabi Muhammad s.a.w.
- D Memastikan ketepatan pelantikan pemimpin

13 Antara berikut yang manakah cara penyebaran Islam ke Asia Tenggara pada awal abad ke-7 M?

- I Penaklukan
- II Perkahwinan
- III Penulisan
- IV Perjanjian

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

14.

Undang-undang syariah telah diperkenalkan oleh kerajaan Islam Asia Tenggara bagi menjamin kesejahteraan rakyat dan negeri.

Mengapakah undang-undang ini tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya?

- A Terikat dengan hukum adat
- B Terpengaruh dengan undang-undang barat
- C Tentangan masyarakat setempat
- D Tekanan kerajaan bukan Islam

15 Perumpamaan berikut berkaitan dengan norma kehidupan masyarakat Melayu.

seikat seperti sirih,
serumpun seperti serai,
dan sedencing seperti besi.

Apakah nilai murni yang terkandung dalam perumpamaan tersebut?

- A Bertoleransi
- B Perpaduan
- C Ketabahan
- D Bersyukur

16.

Ulama tempatan telah mengubahsuai huruf Arab dalam al-Quran bagi menulis perkataan Melayu sejak abad ke-15.

Merujuk pernyataan di atas, apakah kesan terhadap pengubahsuaian tersebut?


- A Mewujudkan tulisan Jawi
- B Pengukuhan institusi beraja
- C Kemasukan pendakwah luar
- D Perkembangan tulisan tradisi

- 17 Maklumat berikut menunjukkan kemunculan golongan baru dalam era Reformation di Eropah.

Masa	Peristiwa
Kurun ke -16	Kemunculan golongan yang mengendalikan Counter Reformation

Apakah peranan golongan tersebut ?

- A mempertahankan gereja
 - B memperluas ajaran Kristian
 - C memperkukuh kuasa golongan monarki
 - D menyekat perkembangan kuasa bangsawan
- 18 Apakah perubahan revolusi berikut kepada negaranya?



- A sistem monarki kepada sistem demokrasi borjuis
 - B sistem monarki kepada sistem republik
 - C sistem monarki kepada sistem sosialis
 - D sistem kolonial kepada sistem peribumi
19. Menjelang awal abad ke-20, imigran Cina berketurunan Foochow telah dibawa masuk secara beramai-ramai ke Sarawak melalui tajaan Charles Brooke.

Mengapakah imigran Cina berketurunan Foochow dibawa masuk ke Sarawak?

- A Untuk mengusahakan ladang tebu di Sarawak
- B Untuk mengusahakan ladang nenas dan gambir di Sarawak
- C Untuk mengusahakan ladang gambir dan lada hitam di Sarawak
- D Untuk mengusahakan ladang gambir dan sagu di Sarawak

- 20 Menjelang abad ke-19, kebanyakan bank di Tanah Melayu merupakan bank-bank Eropah yang lebih mengutamakan pedagang Eropah. Pedagang tempatan hanya boleh mendapatkan perkhidmatan bank Eropah melalui komprador.

Siapakah yang dimaksudkan oleh golongan komprador?


- A pemodal yang mempunyai talian yang rapat dengan saudagar Eropah
 - B peminjam yang mempunyai talian yang rapat dengan saudagar Eropah
 - C pemodal yang mempunyai talian yang rapat dengan pihak British
 - D peminjam yang mempunyai talian yang rapat dengan pihak British
21. Mengapakah imperialis Barat perlu menguasai sistem politik negara-negara jajahan?
- A Untuk menggantikan sistem pemerintahan beraja
 - B Untuk menguasai ekonomi negeri-negeri jajahan.
 - C Untuk menggantikan sistem pemerintahan beraja.
 - D Untuk melaksanakan pentadbiran melalui biro.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Nai Pridi Panomyong• Phibul Songram |
|--|

22. Tokoh-tokoh di atas memainkan peranan penting dalam gerakan anti penjajah di Thailand. Apakah persamaan mereka?
- A Menubuhkan Parti Rakyat
 - B Menyokong Jepun semasa Perang Dunia Kedua
 - C Mengalakkan penglibatan peribumi dalam aktiviti ekonomi
 - D Menetapkan jawatan penting kerajaan kepada penganut Buddha.
23. Dasar keterbukaan penjajah terhadap kemasukan imigran ke negara-negara Asia telah menimbulkan kesan negatif kepada penduduk tempatan. Apakah kesan negatif yang dimaksudkan itu?
- A Imigran mengekalkan identiti mereka
 - B Imigran menguasai ekonomi tempatan
 - C Imigran memberontak menentang penjajah
 - D Imigran menghakis kuasa pemimpin tempatan

24. Mengapakah Gerakan Kaum Muda hanya tertumpu di Negeri-negeri Selat, bukannya di Negeri-negeri Melayu yang lain ?
- Mengkritik raja dan pembesar Melayu
 - Menekankan pendidikan dunia dan akhirat
 - Mendapat tentangan hebat daripada kaum tua
 - Mereka dikenakan pelbagai sekatan undang-undang

25. Rajah di bawah berkaitan dengan rakyat pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.



Apakah nilai yang dikaitkan dengan rakyat di atas ?

- Kesanggupan
 - Kecemerlangan
 - Ketaatan
 - Kerjasama
26. Apakah ciri keistimewaan pembentukan kerajaan Islam di Madinah berbanding proses pembentukan negara bangsa di Eropah?
- Dijayakan oleh khalifah
 - Penyatuan melalui prinsip Islam
 - Hanya memberi tumpuan kepada umat Islam
 - Menolak segala fahaman yang berunsur Barat
27. Mengapakah Jawatankuasa Eksekutif yang ditubuhkan oleh British bagi mengkaji pembentukan Persekutuan Tanah Melayu mendapat tentangan daripada golongan radikal Melayu ?
- Mereka menuntut penghapusan sistem feodal
 - Mereka tidak diwakili dalam Jawatankuasa Eksekutif
 - Mereka menuntut konsep sebuah republik dan kemerdekaan penuh
 - Mereka menuntut kemerdekaan penuh dan penghapusan kuasa-kuasa sultan

28 Senarai berikut merupakan pertubuhan yang berhaluan kiri.

- Angkatan Wanita Sedar (AWAS)
- Angkatan Pemuda Insaf (API)
- Barisan Tani Malaya (BATAS)

Apakah yang diperjuangkan oleh pertubuhan tersebut?

- A Menyokong penubuhan Malayan Union
- B Merestui Persekutuan Tanah Melayu
- C Menyebarkan fahaman komunis
- D Melancarkan pemberontakan

29. Mengapakah Sistem Ahli diperkenalkan oleh British ?

- A Membolehkan Tanah Melayu semakin maju.
- B. Memastikan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan.
- C Melatih orang tempatan ke arah berkerajaan sendiri
- D. Memastikan penguasaannya terhadap ekonomi Tanah Melayu.

30 Mengapakah British yakin untuk memberi kemerdekaan kepada Tanah Melayu pada tahun 1957 ?


- A Perpaduan kaum
- B Pembangunan ekonomi
- C Pengaruh Gagasan Melayu Raya
- D Pengaruh bekas Pegawai Tinggi British

- Ganyang Malaysia – 20 Januari 1963

31 Hubungan tegang antara Malaysia dan Indonesia telah tamat apabila peristiwa di atas dihentikan oleh Indonesia. Apakah yang menamatkan peristiwa di atas?

- A Campurtangan Amerika Syarikat
- B Kejatuhan Soekarno
- C Kekalahan Indonesia
- D Arahan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

32 Rajah di bawah menerangkan reaksi negara-negara jiran semasa penubuhan Malaysia.



Apakah cara penyelesaian bantahan tersebut ?

- A Penubuhan MAPHILINDO
- B Campur tangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)
- C Penubuhan Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASA)
- D Pembentukan Persatuan Negara –Negara Asia Tenggara (ASEAN)

33 Antara berikut, yang manakah menerangkan bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong?

- I Menggubal dasar-dasar kerajaan
 - II Melantik wakil rakyat
 - III Melantik Perdana Menteri
 - IV Mengisytiharkan undang-undang darurat
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

34 Apakah nilai murni yang terkandung dalam lagu Negaraku ?

- A Kesetiaan
- B Dedikasi
- C Amanah
- D Rajin

35 Rajah di bawah merujuk kepada agensi kerajaan yang telah melaksanakan pembangunan ekonomi.

- KETENGAH
- KEJORA
- KESEDAR

Program di atas merujuk kepada

- A Pembangunan In-Situ
- B Program pembangunan wilayah
- C Program pembangunan pertanian
- D Program pembangunan luar bandar

36 Apakah faedah yang diperoleh daripada Temasya Sukan Malaysia (SUKMA)?

- I Menjalin hubungan diplomatik
- II Mengeratkan hubungan antara negeri
- III Mewujudkan perpaduan antara kaum
- IV Melahirkan semangat kenegerian

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

37 Senarai berikut adalah pertubuhan ketenteraan.

- NATO
- PAKATAN WARSAW
- SEATO

Apakah faktor penubuhan pakatan tersebut ?

- A Piagam Atlantik
- B Perang Dunia Pertama
- C Perjanjian Versailles
- D Perang Dingin

38. Mengapakah Malaysia mengusulkan Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN)?

- A Kekuatan komunis yang bertambah di Asia Tenggara
- B Persengketaan Amerika Syarikat dan China di Vietnam
- C Peningkatan pemilikan senjata negara-negara di Asia Tenggara
- D Perbalahan di Asia Tenggara mengenai penentuan sempadan

39 Mengapakah Negara-Negara Selatan bergantung kepada negara-negara maju?

- A Bekalan tenaga buruh
- B Bantuan tentera
- C Kerjasama politik
- D Pemasaran bahan mentah

- 40 Pernyataan berikut merujuk kepada usaha membangunkan dan menyusun semula sistem pendidikan Malaysia.

Memupuk perpaduan melalui interaksi murid pelbagai kaum dapat meningkatkan daya saing.

Apakah institusi yang berusaha untuk mencapai hasrat murni tersebut?

- A Sekolah Bestari
- B Sekolah Wawasan
- C Sekolah Vokasional
- D Sekolah Berasrama Penuh

KERTAS SOALAN TAMAT